

# Kaedah Alternatif Membentuk Padanan Istilah: Suatu Pendekatan Sosioterminologi

JUNAINI KASDAN<sup>a</sup>, HARSHITA AINI HAROON<sup>b</sup>, NOR SUHAILA CHE PA<sup>c</sup> & MOHAMED ROSHIMI MD SHAHOR<sup>d</sup>

*Universiti Malaysia Perlis, Malaysia<sup>a,b,c&d</sup>*

*junaini@unimap.edu.my<sup>a</sup>*

*harshita@unimap.edu.my<sup>b</sup>*

*suhailacheпа@unimap.edu.my<sup>c</sup>*

*roshimi@unimap.edu.my<sup>d</sup>*

*Abstrak— Penggubalan, pembakuan dan penyelarasan istilah bahasa Melayu telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak tahun 1956 dan lebih daripada satu juta istilah telah dihasilkan. Lazimnya, kaedah penggubalan istilah memakan masa yang sangat panjang dan melibatkan jawatankuasa pakar bidang yang ramai, sekali gus menelan biaya yang sangat besar. Hal ini kerana istilah dibentuk berdasarkan konsep. Perbezaan pemahaman konsep dalam kalangan pakar bidang ada kalanya menimbulkan kesukaran untuk mencapai kata sepakat terhadap pemilihan istilah, sekali gus memanjangkan tempoh proses pembentukan istilah dan istilah lambat sampai kepada pengguna. Kelewatan ini menyebabkan pengguna memilih untuk menggunakan istilah mereka sendiri dan mendorong kecenderungan berlakunya ketidakselarasan istilah. Persoalannya, tidak adakah cara lain untuk menggubal istilah selain melalui jawatankuasa istilah? Bolehkah pengamal sesuatu bidang ilmu membentuk istilahnya sendiri tanpa melalui jawatankuasa istilah? Mengapakah individu, khususnya penterjemah yang memerlukan istilah segera tidak boleh membentuk istilahnya sendiri? Bukankah dalam hal ini DBP hanya menetapkan bahawa semua istilah yang digubal perlu mendapat pengesahan daripada DBP dan bukannya semua istilah mesti digubal oleh DBP? Tinjauan awal mendapati, kebanyakan penyelidikan yang melibatkan pembangunan sistem peristilahan lebih tertumpu kepada sistem repositori istilah dan kaedah mempercepat carian istilah. Manakala kajian yang membicarakan tentang peristilahan per se, cenderung mengangkat permasalahan tentang kebolehterimaan istilah dalam kalangan pengguna dan kajian yang berkaitan dengan bentuk istilah itu sendiri. Justeru, penyelidikan ini bertujuan melihat kaedah alternatif yang dapat dimanfaatkan untuk mempercepat proses penggubalan istilah, di samping memastikan istilah yang dibentuk selaras dan menepati piawaian. Kaedah alternatif yang dicadangkan menggunakan kaedah penterjemahan bersistem berteraskan pendekatan*

*sosioterminologi, bukan berdasarkan sistem konsep. Bagi tujuan tersebut, sejumlah istilah sains gunaan dan kejuruteraan dimanfaatkan. Selanjutnya, hasil penyelidikan dalam bentuk model sistem berasaskan web ini diharapkan dapat membantu pengguna mendapatkan padanan istilah bahasa Melayu dengan cepat, tepat, selaras, serta menepati piawaian dan citarasa mereka.*

*Kata Kunci: Sistem konsep, Sosioterminologi, padanan istilah, penggubalan istilah, sistem peristilahan.*

*Abstract- Formation, standardization and coordination of the Malay terms were done by the Institute of Language and Literature of Malaysia (Dewan Bahasa dan Pustaka) since 1956, and more than one million terms have been produced. Normally, the existing method for forming terms will take longer time and involved a lot of experts committee, thus ingest enormous costs. This is because the terms were created based on the concept. Differences in understanding of the concept among experts sometimes makes it difficult to reach consensus on the selection of the terms, thus prolonging the process of its formation and delaying the use by the users. Furthermore, it will potentially lead the users to use their own terms and exacerbates the inconsistency of the terms. The question is, whether there are no other ways to form the terms other than through the committees? Could practitioners in any particular field or translators who require the term promptly form their own terms without passing through the committee? The preliminary survey found that most of the research that involved the development of the terminology system focused on the repository of terms and the methods of expediting the search of the terms. Whereas the studies which deal with the terminology per se, tend to raise the issue of admissibility of the terms among users and the study related to the form of the terms itself. Thus, this research aims to find an alternative method that can*

**expedite the process of forming the terms, in addition to ensuring that the terms are consistent and pursuant to the standard. The alternative method proposed is leveraging on the systematic translation method based on socio-terminology approach, not based on the concept system. The outcome, a model of a web-based system is expected to assist users to obtain the matching of the Malay terms faster, accurately, consistently, and pursuant to the standards and their preferences.**

*Keywords- Concept system, Socio-terminology, target term, formation of term, terminology system.*

## I. ISTILAH DAN PENGGUBALAN ISTILAH

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa tinggi dan bahasa ilmu moden, penciptaan istilah dalam pelbagai bidang amatlah diperlukan. Kepentingan istilah dalam mengungkapkan dan menyampaikan ilmu-ilmu baru dalam bidang tertentu diungkapkan oleh Menteri Sains dan Teknologi Afrika Selatan dalam Persidangan Peristilahan Antarabangsa, *Terminology in Advanced Management Applications (TAMA)* 2003 di Afrika Selatan (Junaini, 2007) sebagai, *no knowledge without term*. Menurut Hassan Ahmad (2000) pula, selagi manusia memerlukan bahasa, selagi itulah mereka akan terus memerlukan istilah.

Istilah, menurut definisi yang diberikan oleh *Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUPIBM, 2004) ialah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional. Suatu istilah mempunyai makna yang tepat bagi bidangnya agar dapat mengungkapkan konsep yang dimaksudkan dan stabil dari segi maknanya. Di Malaysia, tugas menggubal, menyelaras dan membakukan istilah dalam bahasa Melayu dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah bahasa Melayu penting kerana ia merupakan asas bagi pemindahan ilmu, sarana untuk mengembangkan kemahiran dan teknologi dan asas bagi proses menterjemahkan teks dalam bidang tertentu ke dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini, para penterjemah, pensyarah dan jurubahasa bahasa Melayu merupakan orang pertama yang akan merasakan kekurangan istilah. Bagi mengatasi masalah ketiadaan istilah dalam bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi mandat untuk menggubal, membentuk, menyelaras dan membakukan istilah dalam bahasa Melayu (Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, pindaan dan perluasan, 1995) sejak tahun 1956 lagi.

Sejak itu, proses penggubalan istilah secara terpadu dan terancang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Perubahan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1995 (Pindaan dan Perluasan) secara jelas memberikan tanggungjawab kepada DBP untuk menyelaraskan seluruh pembentukan istilah dalam bahasa kebangsaan, dan pengguna bahasa pula perlu merujuk kepada DBP terlebih dahulu sebelum sebarang istilah dalam bahasa Melayu digunakan. Untuk itu, usaha-usaha pembentukan dan pengembangan istilah oleh DBP bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang terus menjadi

agenda DBP. Istilah-istilah yang digubal dan diselaraskan di peringkat DBP dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Istilah (JKI) yang ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa orang pakar bidang yang dikenal pasti dari universiti-universiti tempatan atau badan-badan profesional lain, pakar bahasa yang dilantik dan pegawai peristilahan DBP. Sehingga kini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menggubal dan membakukan lebih daripada satu juta istilah dalam pelbagai bidang ilmu, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat serantau.

Oleh sebab anggota jawatankuasa ini besar bilangannya dan mereka mempunyai tugas hakiki di universiti masing-masing, maka mesyuarat pengesahan istilah hanya dapat dilakukan pada hujung minggu. Menerusi kaedah lama ini, daftar atau buku istilah bagi satu-satu bidang hanya dapat disebarkan dan sampai kepada pengguna sesudah lima tahun atau lebih jawatankuasa ini bersidang (Rusli & Nor Hafizah, 2008). Kaedah lama ini bukan sahaja memakan masa yang lama, tetapi juga melibatkan kos yang tinggi. Istilah yang dihasilkan juga ada kalanya tidak selaras dan menyebabkan pengguna keliru atau kurang yakin dengan istilah yang dibentuk. Tinjauan awal mendapati lebih daripada 15.0% istilah yang digubal, khususnya pada peringkat awal kegiatan penggubalan istilah tidak selaras. Contohnya, *drawability* yang dipadankan dengan istilah “kebolehhelaan”/“kebolehtarikan”, *tidal flow* dipadankan dengan “aliran songsang”/aliran tidal”/“aliran terbalik”, dan *dual system* dipadankan dengan “sistem dual”/“sistem duaan”/“sistem dua”/“sistem berasingan”. Ketidakselarasan istilah berlaku antaranya disebabkan tiap-tiap istilah mendukung konsep yang berbeza, tidak dilakukan rujuk silang, dan padanan istilah sedia ada tidak tepat.

## II. TATACARA PEMBENTUKAN ISTILAH

Tatacara pembentukan istilah di Malaysia adalah menurut tatacara yang telah ditetapkan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), iaitu kerja peristilahan hendaklah bermula dengan konsep. Oleh sebab matlamat utama dalam kerja peristilahan ialah menghasilkan istilah yang dapat mewujudkan konsep dengan tepat, jitu, dan mudah dieja atau disebut, dapat mewujudkan kata terbitan dan betul dari segi tatabahasanya, maka istilah perlu digubal dan dibentuk secara sedar dan terancang. Sebelum tahun 2004, pedoman yang diguna pakai adalah berdasarkan tujuh (7) langkah yang berikut:

- Langkah 1 - Pilih kata dalam bahasa Melayu yang lazim digunakan.
- Langkah 2 - Pilih kata dalam bahasa Melayu yang sudah tidak lazim digunakan.
- Langkah 3 - Pilih kata dalam bahasa serumpun yang lazim digunakan.
- Langkah 4 - Pilih kata dalam bahasa serumpun yang tidak lazim digunakan.
- Langkah 5 - Pilih kata dalam bahasa Inggeris.
- Langkah 6 - Pilih kata dalam bahasa asing lain.
- Langkah 7 - Pilih yang terbaik antara 1 – 6.

Istilah 1 - 4 hendaklah ungkapan yang paling singkat, maknanya tidak menyimpang, berkonotasi baik dan sedap didengar. Manakala istilah yang dibentuk daripada langkah 5 - 6 pula hendaklah merupakan ungkapan asing yang lebih secocok, memudahkan pengalihan antara bahasa, dan memudahkan kesepakatan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Pembentukan istilah berdasarkan langkah 5 - 6 pula dikenal pasti sebagai sering menimbulkan pergeseran makna antara istilah sumber dengan istilah sasaran yang tergubal jika proses penterjemahan tidak dilakukan dengan teliti. Berdasarkan kajian dan penilaian yang telah dilakukan, baik oleh pengguna istilah mahupun penggubal istilah sendiri, maka Pedoman Umum Pembentukan Istilah (1975) telah ditinjau semula. Segala pandangan yang telah dikumpulkan itu dimasukkan ke dalam *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM)* yang telah diterbitkan pada tahun 2004. PUIBM (2004) menggariskan tiga langkah yang lebih menepati tuntutan semasa, iaitu pemantapan, pepadanan dan perekaciptaan.

Lazimnya, istilah dibentuk berdasarkan konsep. Perbezaan pemahaman konsep dalam kalangan pakar bidang menimbulkan kesukaran untuk mencapai kata sepakat terhadap pemilihan istilah, sekali gus memanjangkan tempoh proses pembentukan istilah dan istilah lambat sampai kepada pengguna. Persoalannya, tidak adakah cara lain untuk menggubal istilah selain menerusi jawatankuasa istilah? Bolehkah pengamal sesuatu bidang ilmu membentuk istilahnya sendiri tanpa melalui jawatankuasa istilah? Mengapakah individu, khususnya penterjemah yang memerlukan istilah segera tidak boleh membentuk istilahnya sendiri? Umumnya, pengamal sesuatu bidang ilmu adalah orang yang paling tahu tentang sesuatu istilah dalam bidang tersebut. Justeru, merekalah yang sepatutnya menubuhkan jawatankuasa istilah untuk mencipta istilah baru. Walau bagaimanapun, istilah yang digubal mestilah istilah yang tidak pernah ada sebelumnya, bukan kerana tidak tahu istilah tersebut sudah ada dalam korpus istilah. Perkara yang paling penting ialah istilah-istilah baru yang digubal itu perlu mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengelakkan ketidakselarasan. Istilah yang baharu dibentuk dan tidak ada dalam pangkalan data istilah perlu direkodkan sebagai istilah tambahan agar dapat dibakukan dan disebarkan kepada pengguna istilah yang lain.

### III. KAJIAN PERISTILAHAN

Bertitik tolak daripada persoalan yang diutarakan, penyelidik menelusuri penyelidikan yang berkaitan dengan kaedah penggubalan istilah, dan ketidakselarasan istilah yang pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelumnya. Secara amnya, penyelidikan dalam bidang peristilahan bahasa Melayu lebih menjurus kepada aspek morfosemantik dan pasyarakatatan/ kebolehterimaan istilah. Sedangkan kajian yang berkaitan dengan kaedah penggubalan istilah kurang mendapat tempat dalam kalangan penyelidik. Junaini (2007) mengkaji tentang ketelusan morfosemantik istilah Teknologi Maklumat yang pernah diselarasakan di peringkat MABBIM. Persoalan perubahan istilah khususnya dari segi morfologi dan semantik pula pernah dikaji oleh Hasnah (2001). Kajian yang dilakukan merupakan kajian diakronik, bagi melihat perkaitan

antara kedua-dua perubahan yang berlaku terhadap istilah Kajihiyatan dan Biologi yang telah digubal di peringkat DBP selepas 20 tahun. Selanjutnya, kumpulan penyelidik DBP (2010) pula menjalankan kajian keberterimaan istilah MABBIM berdasarkan data korpus istilah bidang Ekonomi dan Perbankan.

Penelusuran ilmu terhadap penyelidikan yang berkaitan dengan sistem peristilahan pula mendapati pengkaji lebih cenderung untuk membangunkan sistem carian istilah. Pengkaji yang pernah menjalankan kajian yang berkaitan dengan model sistem peristilahan ialah Zamri (2000). Beliau menjalankan kajian yang berkaitan dengan prototaip istilah dalam talian. Hasil kajian beliau dapat dikelaskan sebagai kajian rintis terhadap sistem carian istilah bahasa Melayu yang boleh dicapai menerusi kemudahan internet. Kajian seumpaman juga pernah dilakukan oleh kumpulan penyedilik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2001). Kumpulan penyelidik ini membangunkan sistem carian istilah yang berdiri sendiri (*stand alone*) dalam bentuk cakera padat. Walau bagaimanapun, data istilah yang dimuatkan dalam sistem carian ini terhad kepada istilah sains yang pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum tahun 1992 sahaja.

Dalam perkembangan selanjutnya, Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai badan tunggal yang diberi mandat untuk membentuk, menggubal, dan membakukan istilah bahasa Melayu di Malaysia (Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995) telah mula membangunkan sistem pengurusan istilahnya seawal tahun 1980-an, bermula dengan pembinaan Bank Data Istilah Berkomputer (BIKOMTA) (Junaini, 2007). Selaras dengan kemajuan teknologi infomasi dan komunikasi (ICT), Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi membangunkan Sistem Pengurusan dan Pembinaan Istilah (SPPI), yang merupakan satu daripada subsistem dalam Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB) bermula pada tahun 2004.

Tinjauan awal mendapati, semua penyelidikan dan sistem yang dibina lebih bertumpu kepada sistem carian dan pengurusan repositori istilah. Proses pembentukan istilah masih dilakukan secara manual sehingga hari ini. Proses ini memerlukan tempoh yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Bagi pihak pengguna pula, kaedah sedia ada menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan istilah yang tepat dan selaras dalam tempoh yang singkat. Lazimnya, istilah yang digubal melalui kaedah sedia ada ini akan memakan waktu empat hingga lima tahun sebelum sampai kepada pengguna dalam bentuk terbitan konvensional. Istilah semasa yang diajukan oleh pengguna pula hanya akan mendapat maklum balas dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 jam hari bekerja. Sedar tidak sedar, hal ini juga merupakan punca timbulnya istilah yang tidak selaras kerana pengguna istilah cenderung untuk membentuk istilah sendiri. Kesukaran mendapatkan istilah juga merupakan antara punca pengguna istilah memilih untuk menggunakan istilah bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, satu model sistem pepadanan istilah cadangan yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna perlu dibina bagi mengatasi masalah kelewatan mendapatkan istilah, sekali gus memastikan keselarasan istilah yang digubal. Dalam hal ini, pengkaji mengaplikasikan

Pedoman Umum Pembentukan Istilah 2004 (PUPIBM 2004) dalam kaedah alternatif yang dicadangkan.

#### IV. PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan kaedah kajian kepustakaan berdasarkan korpus peristilahan bahasa Melayu yang berpangkalan di Dewan Bahasa dan Pustaka, serta pembinaan model sistem pemadanan istilah cadangan bahasa Melayu. Sebanyak 247,208 istilah yang terdiri daripada 60 bidang/subbidang kejuruteraan dan sains gunaan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dikenal pasti dan akan dimanfaatkan dalam kajian ini. Melalui kaedah kepustakaan, data istilah ini akan diproses terlebih dahulu. Istilah-istilah yang tidak selaras akan direkodkan dan dianalisis menggunakan pendekatan sosioterminologi bagi menjelaskan fenomena ketidakselarasan istilah. Selanjutnya, istilah dalam bentuk rangkai kata atau frasa perlu dipecahkan menjadi istilah tunggal. Contohnya, istilah sedia ada yang terdapat dalam Jadual 1 berikut perlu dipecahkan dalam bentuk istilah tunggal terlebih dahulu.

JADUAL 1 ISTILAH SUMBER BAHASA INGGERIS BERSERTA PADANAN BAHASA MELAYU

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>dead securities</i>	cagaran mati
<i>dead security</i>	cagaran mati
<i>dead shore</i>	topang tegak
<i>dead side</i>	bahagian mati
<i>dead side</i>	sisi mati
<i>dead slow ahead</i>	maju perlahan sekali
<i>dead slow astern</i>	undur perlahan sekali
<i>dead sound</i>	bunyi mati
<i>dead space</i>	ruang mati
<i>dead space</i>	ruang mati
<i>dead state</i>	keadaan mati
<i>dead steering</i>	pensterengan mati
<i>dead stop</i>	tak bergerak
<i>dead stop end point</i>	takat akhir mati
<i>dead stop titration</i>	pentitratan mati
<i>dead storage</i>	storan mati /simpanan mati
<i>dead studio</i>	studio mati
<i>dead timber</i>	kayu mati
<i>dead timber deterioration</i>	pereputan pokok mati
<i>dead time</i>	masa mati
<i>dead time circuit breaker</i>	pemutus litar masa mati

Pecahan istilah-istilah tersebut perlu disunting terlebih dahulu bagi memastikan tiada kesalahan ejaan dan kesalahan padanan. Dalam hal ini, istilah sumber yang memiliki padanan bahasa Melayu yang sama, hanya satu istilah dikekalkan. Contohnya, bagi istilah *circuit* (dua kali), *dead* (dua puluh kali) dan *slow* (dua kali), hanya satu istilah

dikekalkan sebagai data. Istilah yang sama tetapi mempunyai padanan yang berbeza, dianggap sebagai istilah yang berbeza dan dikekalkan dalam senarai. Hasil pemecahan data adalah seperti dalam Jadual 2 yang berikut:

JADUAL 2 HASIL PECAHAN ISTILAH SUMBER BAHASA INGGERIS BERSERTA PADANAN BAHASA MELAYU


Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>ahead</i>	maju
<i>astern</i>	undur
<i>breaker</i>	pemutus
<i>circuit</i>	litar
<i>dead</i>	mati
<i>dead</i>	tegak
<i>dead</i>	sekali
<i>dead stop</i>	tak bergerak
<i>dead stop</i>	mati
<i>deterioration</i>	pereputan
<i>end</i>	akhir
<i>point</i>	takat
<i>securities</i>	cagaran
<i>security</i>	cagaran
<i>shore</i>	topang
<i>side</i>	bahagian
<i>side</i>	sisi
<i>slow</i>	perlahan
<i>sound</i>	bunyi
<i>space</i>	ruang
<i>state</i>	keadaan
<i>steering</i>	pensterengan
<i>storage</i>	storan
<i>storage</i>	simpanan
<i>studio</i>	studio
<i>timber</i>	kayu
<i>timber</i>	pokok
<i>time</i>	masa
<i>titration</i>	pentitratan

Selanjutnya, kaedah alternatif berkonsepkan terjemahan bersistem yang dicadangkan, iaitu sebuah sistem pemadanan istilah berasaskan web ini akan memberikan kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan padanan istilah cadangan dalam bahasa Melayu dengan lebih cepat. Contohnya, untuk mendapatkan padanan istilah cadangan bagi *dead time circuit*, sistem akan melakukan pemadanan seperti yang berikut:

<i>dead</i>	<i>time</i>	<i>circuit</i>
mati	masa	litar
tegak	-	-
sekali	-	-

Oleh sebab, bahasa Inggeris menggunakan pola hukum M-D (dinyatakan - menyatakan) yang bertentangan dengan pola hukum tatabahasa bahasa Melayu yang menggunakan pola hukum D-M (dinyatakan - menyatakan), maka sistem akan membantu menukarkannya ke dalam pola yang sesuai dengan bahasa Melayu. Hasilnya, sistem akan memberikan padanan istilah cadangan sebagai “litar masa mati”, “litar masa tegak” dan “litar masa sekali”.

Selanjutnya, pengguna akan memilih istilah, yang menurutnya sesuai dengan konsep yang didukung oleh istilah dalam bahasa sumber. Kaedah alternatif ini cenderung menerapkan kaedah pertama pedoman umum pembentukan istilah, iaitu memantapkan penggunaan istilah yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun, pengguna masih mempunyai pilihan untuk mencadangkan istilah yang lain sekiranya istilah yang dicadangkan oleh sistem tidak menepati pilihan pengguna. Contoh, pengguna boleh memberikan padanan istilah cadangan sebagai “sirkuit masa mati”. Padanan istilah cadangan yang dipilih pengguna akan disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai badan yang berautoriti untuk membakukan istilah sebelum disebar kepada pengguna yang lain. Pada umumnya aliran proses kerja model sistem pencadangan istilah cadangan bahasa Melayu seperti dalam gambar rajah 1.



Gambar Rajah I Carta Alir Model Sistem Pepadananan Istilah Cadangan Bahasa Melayu

## KESIMPULAN

Diharapkan, kajian ini menjadi perintis kepada kaedah penggubalan istilah bersistem yang lebih cepat, tepat, dan selaras serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan, sekali gus menjadi pelengkap kepada sistem pengurusan dan pembinaan istilah (SPPI) yang terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Melalui pendekatan ini juga, pengguna istilah mempunyai hak untuk memilih dan menentukan istilah yang lebih tepat dan digemari, bukan ditentukan oleh badan berautoriti sebagaimana amalan yang berlaku selama ini. Menurut Asmah Haji Omar (2000), Istilah yang dibentuk oleh masyarakat pengguna lebih cepat terdifusi dan diterima oleh masyarakat.

## RUJUKAN

- [1] Asmah Haji Omar. (2001). *Peristilahan bahasa Melayu: Pengalaman Malaysia*. Kertas kerja sempena Majlis Perisytiharan Istilah Bahasa Melayu Pengisi Kepustakaan Ilmu Abad Ke-21. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 11 April
- [2] DBP. (2004). *Pedoman pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- [3] DBP. 1995. Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan). Kuala Lumpur: DBP.
- [4] Halimah Haji Ahmad. (2000). *Peristilahan bahasa Melayu: Satu kajian sikap*. Kertas kerja Seminar Pembinaan Bahasa Indonesia/Melayu dalam Dunia Pendidikan. Malang, Indonesia, 8-9 Mac.
- [5] Hassan Ahmad. (2000). *Dasar bahasa dan pembangunan negara*. Diakses pada 18 November 2013 daripada <http://www.tranungkite.net/lama/b05/dasabahasa.pdf>.
- [6] Junaini Kasdan. (2007). *Perbezaan tahap ketelusan morfosemantik antara istilah teknologi maklumat Malaysia dengan Indonesia dalam MABBIM*. Tesis Sarjana Persuratan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [7] Rusli Abdul Ghani & Norhafizah Husin. (2008). *Penggubalan istilah semasa: Suatu kerangka konseptual*. Seminar bahasa sempena sidang ke-49 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM): 9-10 Mac 2010/23-24 Rabiulawal 1431, Dewan Seminar, Menara DBP, Kuala Lumpur, Malaysia.
- [8] Universiti Kebangsaan Malaysia. (2001). *Cakera Padat carian istilah Sains*. (Tidak untuk dijual).
- [9] Zamri Murah. (2000). *Sistem pencarian istilah bahasa Melayu*. Seminar bahasa sempena sidang ke-49 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM): 9-10 Mac 2010/23-24 Rabiulawal 1431, Dewan Seminar, Menara DBP, Kuala Lumpur, Malaysia.